

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebabnya parti politik dilarang untuk membantu mendaftarkan pemilih baru bila SPR enggan melantik parti politik sebagai Penolong Pegawai Pendaftar. Nyatakan kos perbelanjaan untuk menganjurkan Pilihan Raya Umum Sarawak baru-baru ini dan juga jumlah wang yang dikutip daripada calon yang hilang deposit.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menghentikan pelantikan semula/baru Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Parti Politik) bermula pada tahun 2013. Ini bagi membolehkan SPR mengkaji dan menyelaras secara menyeluruh kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan urusan pendaftaran pemilih berkaitan Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Parti Politik). Sehubungan itu, pada bulan September 2015, SPR telah memutuskan bahawa tiada keperluan untuk meneruskan pelantikan baru Penolong Pendaftar Pemilih tersebut.

Oleh yang demikian, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kaunter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi melaksanakan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-11 adalah berjumlah RM135.6 juta. Jumlah calon yang hilang wang deposit adalah seramai 69 orang bersamaan RM345,000.00.